

15/06/2003

Dr Mahathir tidak mahu puji-pujian melambung

Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mahu sebarang layanan luar biasa serta puji-pujian melambung oleh perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang bermula Selasa ini.

"Perdana Menteri sendiri telah berpesan supaya perhimpunan kali ini berjalan seperti biasa dan tidak ada sebarang acara atau layanan istimewa

kepada beliau yang akan bersara dalam tempoh empat bulan lagi," kata Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob.

Beliau berkata, sebagai menghormati hasrat pucuk pimpinan parti itu, perhimpunan kali ini akan berlangsung seperti tahun-tahun sebelumnya.

"Presiden kata, beliau tidak mahu sebarang puji-pujian yang melambung kerana ini tidak selari dengan perwatakan beliau sendiri. Tapi perwakilan

masih boleh memberi penghargaan atas sumbangan serta kejayaan pelaksanaan

dasar negara, hubungan dalam serta luar negara serta penerimaan ketokohan

Dr Mahathir pada peringkat antarabangsa.

"Lagi pun kita masih ada beberapa bulan lagi sebelum Oktober (tarikh persaraan Dr Mahathir). Jika adapun perbezaan pada perhimpunan kali ini, mungkin dari segi kandungan ucapan beliau," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan wartawan jika ada sebarang acara istimewa diadakan sebagai penghargaan kepada Dr Mahathir memandangkan ini kali terakhir beliau menghadiri perhimpunan itu selaku Presiden parti.

Menteri Penerangan itu memberitahu demikian pada sesi taklimat dan lawatan media ke persiapan Perhimpunan Agung Umno 2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam. Hadir sama ialah Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor; Penolong Setiausaha Wanita Umno, Datuk Faridah Abu Hassan; Penolong Setiausaha Pemuda Umno, Zulkifli Mohd Alwi dan Penolong Setiausaha Puteri Umno, Azlinda Mohd Rashad.

Pada perhimpunan agung tahun lalu, Dr Mahathir mengejutkan negara apabila mengumumkan peletakan jawatannya dalam kerajaan dan parti tetapi menarik balik keputusannya setelah dipujuk pemimpin dan anggota parti.

Perdana Menteri kemudian mengemukakan pelan peralihan kepemimpinan dengan bersetuju untuk terus memegang jawatan sehingga sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Oktober ini dan menamakan timbalannya,

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Khalil berkata, fokus utama perwakilan tahun ini tentunya kepada

Ucapan

Dasar Presiden dan amanatnya sewaktu ucapan penggulungan, yang mana di sana-sini sudah pun kedengaran bahawa ucapan Dr Mahathir pada perhimpunan

kali ini amat ditunggu-tunggu.

"Kalau hendak mengatakan sesuatu yang istimewa ialah pada kandungan ucapan termasuk ketika perbahasan, tetapi bukannya acara, persediaan peralatan atau kemudahan," katanya.

Beliau berkata, perhimpunan kali ini akan dihadiri oleh 2,248 perwakilan termasuk pemerhati, selain 18 parti luar negara yang sudah mengesahkan kehadiran.

Ditanya mengapa Ucapan Dasar Presiden hanya akan dibahaskan oleh ketua badan perhubungan Umno negeri dan ketua badan perhubungan Umno negeri dan ketua pergerakan parti, Khalil berkata ia bertujuan menunjukkan kesepaduan sokongan kepada Dr Mahathir dan juga timbalannya yang akan mengambil alih kepimpinan negara.

"Ia (perbahasan) juga akan menjadi lebih authoritative bagi mewakili negeri masing-masing dan menggambarkan satu nada yang lebih serius untuk menyampaikan penghargaan. Perkara ini telah diputuskan oleh Majlis Tertinggi Umno," katanya.

Ini adalah kali pertama perkara itu dilakukan kerana sebelum ini semua usul perbahasan berkenaan dibuat oleh perwakilan yang dipilih badan perhubungan negeri masing-masing.

Dari segi liputan perhimpunan, beliau berkata setakat ini 67 syarikat media dari dalam dan luar negara sudah mendaftar untuk membuat liputan.

Khalil berkata, perhimpunan kali ini akan bermula Selasa ini dengan Taklimat Presiden yang akan diadakan secara tertutup pada jam 3.30 petang

dan Presiden parti dijangka mengadakan sidang akhbar selepas itu.

Pada jam 8 malam hari yang sama Timbalan Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan Perhimpunan Agung Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno.

"Pada jam 8.30 pagi 18 Jun, perhimpunan agung bagi ketiga-tiga pergerakan berkenaan akan diadakan secara berasingan dan pada hari berikutnya Perhimpunan Agung Umno akan berlangsung.

"Jamuan Presiden akan diadakan pada malam 19 Jun dan pada malam 20 Jun pula Jamuan Timbalan Presiden akan diadakan," katanya.